



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA KELANTAN



UNTUK SIARAN SEGERA

10 April 2023 (Isnin)

BILANGAN 5 /2023 (KELANTAN)

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA KELANTAN PATAHKAN PENGEDARAN ROKOK SELUDUP

KES

1. Bertindak atas maklumat awam, risikan dan intipan oleh anggota Cawangan Penguatkuasaan Pengkalan Kubor, pada 04.04.2023 lebih kurang jam 10.30 hingga 11.30 malam, Pasukan Operasi Cawangan Penguatkuasaan Pengkalan Kubor, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan telah berjaya melakukan tiga (3) serbuan di tempat yang berasingan.
2. Operasi tersebut telah berjaya merampas **900,040 batang** rokok seludup pelbagai jenama, dan menahan seorang "Orang Yang Disyaki" (OYDS) serta sebuah kenderaan jenis Perodua Bezza. Nilai rampasan adalah sebanyak **RM360,064.00** yang melibatkan Duti/Cukai berjumlah **RM606,899.24**.
3. Serbuan pertama oleh anggota Operasi Cawangan Penguatkuasaan Pengkalan Kubor berjaya menahan dan melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kenderaan Perodua Bezza, di tepi jalan Kg. Gong Stopa, Jalan Kota Bharu – Kuala Terengganu, Pasir Puteh dan berjaya merampas **20,520** batang rokok pelbagai jenama dan menahan seorang lelaki tempatan, berumur 26 tahun.
4. Serbuan kedua dilakukan ke atas sebuah rumah tidak bernombor di Kg, Gong Dato, Pasir Puteh dan berjaya merampas **28,800** batang rokok pelbagai jenama.
5. Serbuan Ketiga pula dilakukan ke atas sebuah rumah di Taman Sri Machang, dan berjaya merampas **850,720** batang rokok pelbagai jenama.

MODUS OPERANDI

6. Modus operandi yang digunakan adalah membawa masuk rokok-rokok tersebut menggunakan kenderaan penumpang dengan jumlah yang sedikit dan di simpan di tempat penyimpanan sebelum diedarkan.
7. Pengedaran rokok-rokok seludup ini menggunakan kenderaan penumpang dalam jumlah yang sedikit untuk pasaran tempatan. Siasatan masih lagi dijalankan bagi mengenalpasti pembekal rokok-rokok tersebut.

RUMUSAN

8. Rokok diklasifikasikan sebagai barang larangan import yang tertakluk di bawah Butiran 66, Jadual Ketiga / Bahagian 1 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017.

KESALAHAN

9. Kes-kes ini sedang disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) dan Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967.

Jika sabit kesalahan;

Boleh dikenakan denda tidak kurang dari sepuluh (10) kali nilai barang atau RM100,000.00 yang mana lebih besar dan tidak lebih dari dua puluh (20) kali nilai barang atau RM500,000.00 yang mana lebih besar, atau dipenjarakan tidak kurang dari enam bulan dan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

KERJASAMA ORANG RAMAI

10. Sehubungan dengan itu orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut. Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah ianya turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.
11. JKDM juga menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi:-
 - Talian Bebas Tol Kastam 1-800-8855,
 - atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.
12. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

WAN JAMAL ABDUL SALAM BIN WAN LONG
PENGARAH KASTAM NEGERI
KELANTAN
10 April 2023



09- 741 1100



09- 7474 709



www.customs.gov.my



JabatanKastamDirajaMalaysia



[kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)



[@KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)